

## Manhaj Al-Hikmah Menerusi Kaedah Lembut dalam Manuskrip Syair Dagang

<sup>1</sup>Muhaimi Rahman, <sup>2</sup>Salmah Jan, <sup>3</sup>Kamariah Kamaruddin, <sup>4</sup>Rozita Che Rodi

<sup>1,2,3,4</sup> Universiti Putra Malaysia

<sup>1</sup>muhaimiar@gmail.com, <sup>2</sup>salmahjan@gmail.com, <sup>3</sup>kkamaria@upm.edu.my,

<sup>4</sup>ita\_cherodi@upm.edu.my

**Published:** 30 Disember 2021

**To cite this article (APA):** Abdul Rahman, M., Jan, S., Kamaruddin, K., & Che Rodi, R. (2021). Manhaj Al-Hikmah Menerusi Kaedah Lembut dalam Manuskrip Syair Dagang. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(2), 30-44. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol16.2.4.2021>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol16.2.4.2021>

### ABSTRAK

Manhaj *al-Hikmah* merupakan salah satu kaedah dakwah berdasarkan al-Quran, Surah *al-Nahl* (16:125). Manhaj *al-Hikmah* merupakan kaedah dakwah utama yang sangat digalakkan dalam perkembangan Islam. Namun begitu, manhaj *al-Hikmah* kurang dititikberatkan dalam kalangan pendakwah kini sehingga menggunakan pendekatan yang kurang tepat ketika berdakwah. Kesilapan penggunaan pendekatan dakwah dalam kalangan pendakwah terhadap sasaran (*mad'u*) membantutkan matlamat asal dakwah. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji manhaj *al-Hikmah* melalui kaedah lembut dari aspek bahasa penulisan yang terdapat dalam manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160). Manuskrip *Syair Dagang* merupakan manuskrip Melayu bertulisan Jawi yang ditulis dalam bentuk syair. *Syair Dagang* dikategorikan sebagai syair nasihat dalam kelompok syair keagamaan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan filologi. Analisis kandungan teks dilakukan berdasarkan bahan bacaan seperti jurnal, buku-buku, artikel dan tesis. Kajian teks dilakukan dengan meneliti manuskrip *Syair Dagang* menerusi pembacaan secara berulang-ulang. Hasil kajian mendapati bahawa manhaj *al-Hikmah* melalui kaedah lembut dari aspek ajakan seperti “dengarlah” dan “ayuhai” turut digunakan dalam manuskrip ini.

**Kata kunci:** *Syair Dagang*, *al-Hikmah*, dakwah, manhaj, manuskrip.

### PENGENALAN

Masyarakat Melayu pada zaman dahulu telah menggunakan daya kreatif dan imaginasi yang tinggi untuk menyampaikan sesuatu hasrat atau keinginannya kepada anggota masyarakat. Manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) merupakan salah satu karya kesusasteraan Melayu tradisional bergenre sastera keagamaan yang tergolong dalam syair berbentuk nasihat (Huzaimah Ismail, Norsiah Sulaiman dan Nafisiah Rahman, 2013). Syair akan dialunkan dengan merdu sebagai dakwah untuk menarik minat masyarakat. Dakwah menerusi syair memberikan gambaran akan kebijaksanaan masyarakat dahulu kala.

Dakwah merupakan tanggungjawab yang mesti dilakukan oleh setiap individu Muslim sama ada secara perseorangan atau kolektif. Menurut *Kamus Dewan Perdana* (2020: 469), perkataan “dakwah” boleh ditakrifkan sebagai kegiatan untuk menyeru dan menyakinkan orang lain tentang ajaran sesuatu agama. Istilah “berdakwah” pula merujuk kepada kegiatan menyebarkan sesuatu kepercayaan yang dijalankan oleh orang atau golongan pendakwah. Dakwah merupakan satu usaha yang mulia dan perlu dipikul oleh semua lapisan masyarakat atau manusia tanpa mengira usia, latar belakang, darjat, bangsa, tempat, dan warna kulit. Menurut Abd Karim Zaydan (1972), hukum dakwah adalah menjadi fardu ain. Untuk berdakwah, umat Islam perlu menggunakan kaedah atau pendekatan dakwah yang betul dan tepat sebagaimana dakwah yang telah dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW.

Manhaj *al-Hikmah* merupakan salah satu kaedah dakwah yang terkandung di dalam al-Quran (*Surah al-Nahl*, 16: 125). Perkataan *al-Hikmah* berasal daripada perkataan dasar *hakama* yang bermaksud memutuskan ketetapan. Perkataan “hikmah” boleh didefinisikan sebagai kebijaksanaan daripada Allah SWT. Perkataan “hikmah” merujuk kepada rahsia, kelebihan atau tujuan sebenar di sebalik sesuatu perkara. Menurut Hamka (2020: 197-198) hikmah, iaitu dengan secara bijaksana, akal budi yang mulia, dada yang lapang dan hati yang bersih menarik perhatian kepada agama. Baginya, hikmah mempunyai definisi yang agak luas seperti pelbagai cara atau usaha. Kebijaksanaan dalam dakwah timbul daripada budi pekerti yang halus dan sopan santun. Hikmah merupakan satu tindakan yang bijaksana dan bergantung kepada persekitaran dan kesesuaian semasa. Seseorang pendakwah perlu menggunakan kebijaksanaannya untuk membuka minda serta pemikiran orang yang didakwahnya. Gaya persembahan dakwah yang baik dan menarik dalam penulisan akan membantu keberkesanan penyampaian mesej dakwah (Nor Raudah Siren, 2013). Oleh itu, kajian tentang pemakaian bahasa dakwah *al-Hikmah* terhadap *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) akan dilakukan.

## **TUJUAN KAJIAN**

- i. Menganalisis interpretasi dakwah *al-Hikmah* dalam manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160)
- ii. Menganalisis pemakaian bahasa dakwah *al-Hikmah* ajakan lembut dalam manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160)

## **METODOLOGI**

Data kajian merupakan aspek terpenting dalam sesebuah kajian. Tanpa data, hala tuju sesebuah kajian tidak akan tercapai. Data dalam bidang penyelidikan terdiri daripada dua jenis, iaitu data primer dan data sekunder. Data primer ialah data yang diperoleh daripada sumber utama menerusi kajian lapangan. Data sekunder pula ialah data yang diolah daripada data primer atau data yang diperoleh menerusi kajian lapangan. Data sekunder kebiasaannya melibatkan hasil daripada kajian perpustakaan, iaitu artikel, buku, tesis dan sebagainya. Aspek pegumpulan data memainkan peranan yang penting mengikut kesesuaian sesebuah kajian supaya data yang diperoleh tepat dan sesuai dengan kajian yang dilakukan. Bahagian ini akan menerangkan tentang sampel dan pesampelan, asas dakwah, kaedah dakwah *al-Hikmah* dan latar belakang manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160).

Kajian menggunakan kaedah kepustakaan dan kajian teks. Kajian dijalankan dengan membuat rujukan terhadap bahan-bahan seperti buku, tesis, artikel, kertas kerja seminar, akhbar dan sebagainya. Rujukan bahan dijalankan di Perpustakaan Sultan Abdul Samad (UPM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Perpustakaan Tun Sri Lanang (UKM), Perpustakaan Peringatan Za’ba (UM), Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), dan lain-lain perpustakaan di Malaysia. Selain itu, perbandingan dengan kajian yang pernah dilakukan oleh pengkaji terdahulu yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan turut membantu dan menjadikan bahan kajian lebih sempurna.

### **1. Sampel dan Persampelan**

Kajian menggunakan pendekatan filologi sebagai rujukan utama. Pendekatan filologi digunakan untuk mentransliterasikan teks manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) daripada Jawi kepada Rumi. Manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) diperoleh di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Proses transliterasi tidak boleh dielakkan daripada menggunakan pendekatan filologi. Transliterasi merupakan satu proses yang wajib dilakukan oleh ahli filologi sebelum melakukan penelitian yang lebih mendalam dan menyeluruh terhadap kandungan isi teks sesuatu manuskrip. Dengan filologi, seseorang pengkaji berpeluang menganalisis sesebuah karya sastera tradisional daripada pelbagai sudut yang terlibat, dalaman dan luaran (Siti Hawa Haji Salleh, 1999: 149).

## 2. Asas Dakwah

Dalam aktiviti dakwah, umat Islam perlu mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu, memperkukuhkan iman dan menyampaikan pula ilmu yang diperoleh kepada orang ramai. Bagi melicinkan perjalanan dakwah, kaedah dakwah yang tepat perlu digunakan. Kaedah dakwah ialah cara kerja atau aturan yang mesti diikuti dalam melakukan kerja-kerja dakwah atau bidang pengajaran dan penuntutan. Kaedah dakwah memainkan peranan yang penting untuk mencapai sesuatu kejayaan dan matlamat. Penggunaan kaedah dakwah yang betul dapat memudahkan kerja-kerja dakwah dan memudahkan kumpulan sasaran untuk menerima mesej dakwah. Menurut Abdul Munir Ismail (2014), keberkesanan dakwah bergantung kepada kaedah yang digunakan. Kaedah yang digunakan hendaklah disesuaikan dengan tahap kumpulan sasar yang berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunah. Menurut Asri Zainul Abidin (2020: 11), arahan-arahan al-Quran yang meminta kita agar mentaati Rasulullah SAW tidak mungkin dapat ditunaikan melainkan setelah kita mengetahui apakah perkataan, perbuatan dan pengakuan baginda SAW. Bagi Harun Din (2010: 155) pula, al-Quran menjadi pokok agama, perlembagaan, kaum muslimin dan tiang agama kita.

Dakwah merupakan satu usaha yang mulia dan perlu dipikul oleh semua lapisan masyarakat atau manusia tanpa mengira usia, latar belakang, darjat, bangsa, tempat, dan warna kulit. Menurut Abd Karim Zaydan (1972), hukum dakwah adalah menjadi fardu ain. Untuk berdakwah, umat Islam perlu menggunakan kaedah atau pendekatan dakwah yang betul dan tepat sebagaimana dakwah yang telah dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW. Dakwah Nabi Muhammad SAW kepada manusia begitu teratur dan tersusun rapi dengan aturan wahyu daripada Allah SWT sebagaimana tercatat di dalam al-Quran. Hal ini boleh dilihat pada *Surah al-Nahl* (16:125) di bawah:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِّدْ لَهُم بِآيَاتِنَا  
أَحْسَنَ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ



**Maksudnya:** Serulah (manusia) ke jalan (agama) Tuhanmu dengan kebijaksanaan dan pengajaran yang baik, dan berbantahlah dengan mereka dengan (jalan) yang terbaik. Sesungguhnya, Tuhanmu lebih mengetahui orang-orang yang sesat dari jalan-Nya dan dia lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.

(Surah al-Nahl, 16: 125)

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT menerangkan bagaimana kaedah untuk melaksanakan penyiaran agama Allah SWT kepada umat manusia. Tiga kaedah dakwah yang diketengahkan ialah *al-Hikmah*, *al-Mawizah al-Hasanah* dan *al-Mujadalah*. Ketiga-tiga kaedah dakwah ini menjadi panduan kepada para sahabat, ulama dan pendakwah sehingga kini. Kaedah dakwah Nabi Muhammad SAW merupakan panduan terbaik dan menjadi rujukan dakwah sepanjang zaman. Allah SWT memerintahkan Nabi Muhammad SAW untuk mulai berdakwah sejak kerasulannya, dan perintah ini kemudian disebarluaskan kepada seluruh pengikutnya (Uswatun Ni'ami, 2020: 51). Kaedah dakwah yang diterapkan oleh baginda begitu menarik kerana memberikan kesan dan hasil yang besar kepada perkembangan syiar Islam. Menurut Ab. Aziz Mohd Zin (2015: vii), kajian terhadap sejarah dakwah pada masa lalu, terutamanya dakwah Nabi Muhammad SAW didapati penuh dengan metode yang jelas dan sistematik. Kesannya, Islam berkembang dengan begitu cepat dan mendapat sambutan yang sangat baik dalam kalangan masyarakat dan sasaran.

### **3. Kaedah Dakwah *al-Hikmah***

Kajian ini akan menggunakan salah satu daripada tiga kaedah dakwah, iaitu *al-Hikmah*. Hikmah juga boleh didefinisikan sebagai bijaksana dalam semua perkara dan bertujuan untuk menarik manusia ke jalan agama (Hamka, 1990). Menurutnya, kebijaksanaan dalam dakwah timbul daripada budi pekerti yang halus dan sopan santun. Hikmah merupakan satu tindakan yang bijaksana dan bergantung kepada persekitaran dan kesesuaian semasa. Oleh itu, seseorang pendakwah perlu menggunakan kebijaksanaannya untuk membuka minda serta pemikiran orang yang didakwahnya.

Menurut Wan Hussain (1994), hikmah terdiri daripada lapan pengertian, iaitu keadilan, tahan marah, kenabian (benar, amanah, tabligh), tidak memperlihatkan kejahilan, perkataan yang tepat dan hak (kebenaran), meletakkan sesuatu pada tempatnya, sesuatu yang mencegah kerosakan dan pengetahuan yang terbaik yang diperoleh daripada ilmu yang terbaik. Seseorang pendakwah perlu hikmah ketika melakukan dakwah. Dakwah Nabi Muhammad SAW merupakan dakwah terbaik sepanjang zaman.

Seterusnya, Hamka (1990) menyatakan bahawa kebijaksanaan merujuk kepada kebolehan pendakwah membuat keputusan dengan mengambil kira pandangan daripada pelbagai lapisan masyarakat. Pendakwah yang bijaksana ialah pendakwah yang mengutamakan kepentingan umat sejagat, iaitu pendakwah yang tidak merugikan agama Islam. Selain itu, keputusan yang dibuat oleh pendakwah yang bijaksana adalah tidak berdasarkan kepentingan peribadi, keluarga dan kaum kerabat. Pendakwah yang bijak akan berdiam diri dan mengelakkan diri daripada bercakap atau memperkatakan sesuatu yang tidak baik atau tidak memberikan sebarang manfaat. Pendakwah yang baik akan sentiasa menjaga setiap perilaku, lidah dan kata-kata. Hal ini penting kerana pendakwah menjadi contoh teladan yang baik kepada masyarakat. Sebarang perilaku dan tindakan seseorang pendakwah akan dinilai, diperhati serta akan menjadi ikutan masyarakat.

Berikutnya, Sheikh Abdullah Basmeih (1992) telah mendefinisikan perkataan “hikmah” sebagai penjelasan atau dalil yang kukuh, tepat dan rasional selari dengan keadaan masyarakat setempat. Menurutnya, seseorang pendakwah perlu memberikan hujahan yang benar-benar kukuh bagi menarik minat kumpulan sasaran. Hujahan yang dikemukakan oleh Sheikh Abdullah Basmeih (1992) adalah berdasarkan kepada cara atau saranan dakwah yang terkandung di dalam al-Quran. Bagi beliau, para pendakwah memainkan peranan yang penting dalam memberikan penjelasan dan penerangan yang tepat dengan mendatangkan dalil yang kukuh lagi rasional sesuai dengan keadaan masyarakat setempat. Kaedah untuk menyeru manusia ke jalan Allah SWT hendaklah dilakukan secara hikmah seperti menggunakan kata-kata yang lemah lembut, dan sopan santun supaya sasaran dakwah dapat membezakan antara yang hak dengan yang batil. Teknik penyampaian seseorang pendakwah hendaklah dilakukan dengan bijaksana supaya mudah difahami dan dihadam golongan sasaran. Menurut Wan Hussein Azmi (1994), sistem yang buruk dan palsu boleh hidup dengan adanya bantuan daripada pendakwah atau penyerunya yang bijak. Sebaliknya, sistem yang baik dan berguna akan hilang ditinggalkan manusia, jika penyerunya tidak mempunyai ilmu atau asas tentang metode seruan dakwah yang baik. Oleh itu, seseorang pendakwah hendaklah mempunyai ilmu yang secukupnya supaya selari dengan fitrah kejadian manusia.

Bagi Wan Hussein Azmi (1994), *uslub hikmah* merujuk kepada sikap pendakwah itu sendiri. Seseorang pendakwah perlulah mencontohi perilaku dan sifat para rasul seperti bercakap benar, amanah, bertanggungjawab, bijaksana dan istiqamah walaupun mendapat tentangan daripada musuh Islam. Usaha dakwah yang dilakukan juga hendaklah berpandukan kepada al-Quran, hadis, ijmak ulama, qias dan dalil yang tepat. Kepelbagaian teknik dakwah juga memainkan peranan yang penting bagi menarik minat masyarakat menggunakan pelbagai media sebagai medium dakwah seperti media cetak, media elektronik, internet dan sebagainya.

#### 4. Latar Belakang *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160)

*Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) telah ditulis dalam bentuk tulisan tangan berhuruf Jawi. Teks ini telah ditulis pada hari Khamis, iaitu pada waktu malam Jumaat mengikut catatan yang terdapat pada beberapa rangkap syair. Manuskrip ini telah dibeli oleh pengumpul manuskrip lama yang terkenal, iaitu Haji Wan Mohd Shaghir pada 24 Jun 2002. Ketika dibeli, manuskrip ini berada dalam keadaan yang baik dan lengkap. Namun begitu, faktor peredaran masa, persekitaran dan ancaman makhluk perosak kertas (bubuk) dikhuatiri telah merosakkan teks dan warna manuskrip tersebut.

Manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) terdapat dalam simpanan di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Manuskrip ini boleh didapati untuk tujuan rujukan pada nombor MSS 3160 dengan jilidan [10] ff. Saiz ukuran bagi manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) ialah 24 x 17 cm yang terdiri daripada 18 halaman dan 91 rangkap (14 hingga 22 baris bagi setiap rangkap). Manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) tidak dicatatkan maklumat tentang nama penyalin, nama tempat dan tidak mempunyai doksologi, iaitu bahagian permulaan manuskrip yang biasanya bercorak dan berseni hias. Halaman terakhir manuskrip ini tidak mempunyai teks tentang penyalin (kolofon), tarikh manuskrip selesai disalin dan nama juru tulis atau pemiliknya.

Manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) telah ditulis dengan menggunakan kertas berjenis LAID Eropah yang berwarna putih kekuningan bertompokkan kesan terkena air dan mempunyai tera air berbentuk bulan sabit berprofil manusia di dalam perisai. Kertas ini mempunyai kuras, iaitu helaian kertas yang digunakan dalam percetakan buku yang berlipat-lipat serta dikerat menjadi beberapa muka) yang berceraian tanpa kulit. Setiap helaianya pula mempunyai 2 kolom dengan susunan jenis tulisan yang kemas dan konsisten.

Manuskrip *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) menceritakan tentang pengembaraan seorang dagang yang digambarkan berada dalam keadaan tidak menentu, tidak tenang dan tidak tenteram setelah meninggalkan kampungnya. Hal ini disebabkan dagang terpaksa tinggal berjauhan dengan keluarga dan sanak saudara. Kesannya, dagang berasa sangat rindu kerana telah lama tidak bersua muka dan bergurau senda. Kerinduan dagang terhadap sanak saudara, ibu dan bapanya di kampung halaman menjadi satu motivasi kepadanya untuk mengubah kehidupan yang lebih baik. Faktor-faktor ini telah menguatkan azamnya untuk menjadi Muslim yang berjaya bukan sahaja di dunia, tetapi juga di akhirat. Walaupun berjauhan, faktor keberkatan dan restu daripada kedua ibu bapa menjadi tonik atau pemangkin kejayaan dagang.

#### DAPATAN KAJIAN

Kaedah dakwah *al-Hikmah* secara lembut melibatkan aspek **ajakan**. Kaedah dakwah *al-Hikmah* secara lembut menekankan aspek dakwah secara lembut yang mampu meredakan jiwa manusia. Kaedah dakwah *al-Hikmah* secara lembut dapat memberikan gambaran tentang agama Islam sebagai agama yang benar untuk menyebarkan akidah dan tauhid-Nya. Menurut *Kamus Dewan Perdana* (2020: 31), perkataan “**ajak**” digunakan selepas cakap ajuk dan mempunyai makna yang sama dengan mengajak. Perkataan “**mengajak**” atau “**ajak**” boleh didefinisikan sebagai menjemput atau mempelawa seseorang supaya turut serta menghadiri ke sesuatu tempat atau turut melakukan sesuatu, menyarankan kepada (untuk berbuat sesuatu), menganjurkan dan menjemput. Menurut Siti Khofifah (2020: 88), dakwah bahagian yang sangat penting bagi kehidupan orang Islam, dalam ajakan dorongan (motivasi), rangsangan serta bimbingan terhadap orang lain untuk menerima ajaran-ajaran Islam secara sedar tanpa adanya keterpaksaan.

Ajakan juga digunakan untuk melembutkan hati sasaran yang masih kecil atau kanak-kanak. Kanak-kanak juga boleh menimbulkan hubungan mesra dengan orang-orang lain terutama sekali dengan yang sebaya dengan mereka, dengan cara mengajak. Teknik ajakan bagi kanak-kanak bermula dengan cara menunjukkan barang permainan anggukan kepala. Tindakan bukan bahasa akan disusuli dengan tutur

ajakan. Setiap pertuturan melibatkan strategi-strategi komunikasi yang berkaitan dengan suatu peristiwa bahasa. Strategi komunikasi bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan lebih lanjut dan memastikan komunikasi berterusan (Asmah Hj. Omar, 1995). Oleh itu, kaedah dakwah *al-Hikmah* secara lembut dalam *Syair Dagang* melibatkan penggunaan perkataan-perkataan ajakan yang lembut, seperti “**ayuhai**”, “**dengarlah**” atau “**dengarkan**”. Perkataan ini digunakan untuk memanggil orang, menyatakan rasa duka dan memberikan peringatan kepada sasaran. Perkataan ajakan “**dengarlah**” dan “**dengarkan**” telah disebut sebanyak sembilan kali dalam manuskrip *Syair Dagang* dan boleh ditemui pada rangkap 2, 14, 18, 22, 27, 35, 61, 104 dan 106. Perkataan ajakan “**ayuhai**” pula boleh ditemui pada rangkap 15, 19, 35, 43, 89, 90, 166 dan 169.

## 1. Ajakan lembut “dengarlah” dan “dengarkan”

Perkataan ajakan “**dengarlah**” merupakan perkataan yang telah digunakan sebagai kaedah dakwah *al-Hikmah* secara lembut di permulaan syair. Perkataan ajakan “**dengarlah**” berfungsi sebagai pujukan lembut kepada khalayak supaya memberikan perhatian sebaiknya dengan apa yang cuba disampaikan. Perkataan “**dengar**” atau “**mendengar**” bermaksud keupayaan seseorang menangkap bunyi atau suara dari persekitaran atau sekeliling dengan menggunakan telinga. Partikel **-ah** pula merupakan kata perintah seru atau kata penegas yang digunakan untuk mengajak atau mendesak seseorang melakukan sesuatu. Kata penegas ialah kata yang memberikan penegasan kepada maksud yang dibawa oleh kata atau frasa yang mendampinginya (Asmah Haji Omar, 2015: 131). Contohnya, kata penegas diwakili *-kah*, *-tah*, *-lah*, *pun*, *hanya*, *sahaja*, *cuma*, *memang*, *juga*, *jua*, *pula* dan *lagi*. Menurut Ab. Razak Ab. Karim (2002), kata penegas ialah sejumlah perkataan yang digunakan untuk memberi penekanan kepada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat. Baginya, unsur penegas yang dimaksudkan ialah **partikel -lah**. Partikel **-lah** digunakan untuk menegaskan maksud atau pengertian sesuatu kata yang bercantum dengannya dalam ayat nyata. Bagi penduduk Pantai Timur, seperti Terengganu dan Kelantan, partikel **-lah** digunakan untuk menyuruh seseorang supaya melakukan sesuatu. Penggunaan partikel **-lah** bagi perkataan ajakan **dengarlah** dalam *Syair Dagang* dapat dilihat pada rangkap di bawah:

*Dengarlah encik permulaan khabar,  
Asalnya kalam daripadanya akar,  
Asal dakwat daripadanya damar,  
Hamba mengarang baharu belajar. (R2)*

Berdasarkan rangkap syair di atas, dengan rendah diri pengarang memohon maaf sekiranya penulisannya tidak sempurna. Bagi dagang, dunia penulisan merupakan dunia baharu. *Syair Dagang* telah dikarang dengan menggunakan peralatan tradisional, iaitu dakwat daripada getah, iaitu damar. Perkataan ajakan “**dengarlah**” telah digunakan sebagai dakwah untuk mengajak khalayak pembaca supaya memberikan perhatian sepenuhnya atau bersungguh-sungguh dengan apa yang ditulis dan diperkatakan dalam syair. Pengarang mengajak khalayak memahami dan mengambil teladan, pengajaran dan manfaat dengan apa yang disampaikan, sekaligus dapat dijadikan panduan dalam kehidupan. Dengan rendah diri, dagang beranggapan bahawa hasil penulisannya merupakan ketentuan yang telah diaturkan oleh Allah SWT. Ciri-ciri akhlak yang ditunjukkan dagang bersesuaian dengan ciri-ciri seorang pendakwah yang *bijaksana* dalam apa jua keadaan dengan meletakkan Allah SWT sebagai tempat mengadu atau berserah. Kebergantungan pengarang terhadap takdir Allah SWT begitu tinggi dan memberikan gambaran akan pegangan agama yang begitu teguh.

Seterusnya, perkataan ajakan “**dengarkan**” turut digunakan sebagai kaedah dakwah *al-Hikmah* secara lembut supaya khalayak pembaca memberikan perhatian sebaiknya dengan apa yang disampaikan dalam syair. Perkataan ajakan “**dengarkan**” boleh disamakan dengan perkataan ajakan “**dengar akan**” yang bermaksud mendengar akan sesuatu. Penggunaan perkataan yang lembut memberikan gambaran awal akan ciri-ciri keperibadian pengarang yang sangat mementingkan kesopanan dan kesusilaan, terutamanya ketika bertutur atau berkomunikasi. Tanda-tanda kesopanan ketika bercakap dapat dilihat atau dikesan menerusi perkataan-perkataan ajakan yang digunakan. Kaedah dakwah secara lembut yang menggunakan perkataan ajakan “**dengarkan**” telah disusuli dengan gelaran bagi sasaran dakwah, iaitu

“**tuan**” yang merujuk kepada panggilan bagi lelaki yang lebih tinggi pangkatnya, lebih kaya atau mereka yang lebih dihormati. Hal ini boleh dilihat pada rangkap seperti yang berikut:

*Dengarkan tuan suatu madah,  
Dikarang fakir di dalam [k](g)undah,  
Sungguhpun karangan tiada indah,  
Dibuat fakir di hati yang [k](g)undah. (R14)*

Berdasarkan rangkap di atas, *Syair Dagang* telah dikarang ketika pengarang berada dalam keadaan tidak menentu disebabkan berjauhan dengan saudara mara, ibu bapa dan teman-teman di kampung halaman. Perkataan “**fakir**” dan “**gundah**” telah digunakan sebanyak dua kali, iaitu pada rangkap kedua dan keempat untuk memberikan gambaran akan ketidaktentuan pengarang. Pengarang berada dalam keadaan gundah gulana, iaitu sangat ketidaktentuan ketika mengarang. Dengan rendah diri, pengarang menggunakan perkataan “**fakir**” untuk memberikan gambaran tentang kehidupannya yang serba sederhana tidak berharta atau berduit. *Dagang* juga hidup dalam serba kekurangan dan tidak mempunyai keperluan asas yang mencukupi. Dari aspek dakwah, perkataan “**fakir**” memberikan gambaran bahawa manusia begitu kecil di sisi Allah SWT. Yang berkuasa hanyalah milik-Nya, iaitu Allah SWT.

Seterusnya, kaedah dakwah *al-Hikmah* secara lembut turut menggunakan perkataan ajakan “**dengar**” sebagai pujukan kepada sasaran pembaca. Perkataan ajakan “**dengar**” merupakan perkataan yang berkaitan dengan suruhan, nasihat dan kemampuan seseorang mendengar bunyi atau menangkap bunyi suara dari sekeliling ke telinga. Suruhan dan nasihat telah ditujukan kepada sasaran dakwah, iaitu sanak saudara, golongan bangsawan, anak-anak dan cucu-cicit. Nasihat telah diberikan kepada sanak saudara yang merujuk kepada orang-orang yang mempunyai hubungan darah atau pertalian keluarga supaya mengenang kembali pengorbanan seorang ibu yang tiada tandingannya. Ketika seseorang anak sedang dibuai mimpi, seorang ibu masih berjaga mencari sesuap nasi atau rezeki. Seseorang anak tidak seharusnya malas apabila diarahkan selagi tidak melanggar syiar Islam. Mentaati perintah ibu bapa boleh diaplikasikan dengan bercakap dengan nada yang lemah lembut. Perkataan yang diungkapkan hendaklah penuh sopan santun dan tidak terlalu kasar sehingga mengguris hati seorang ibu. Bagi seorang anak yang berkemampuan, bolehlah memberikan sedikit wang perbelanjaan kepada ibu sekaligus dapat meringankan beban kewangan yang ditanggung. Selain itu, seorang anak juga hendaklah sentiasa mengambil tahu tentang kesihatan seorang ibu dengan bertanya khabar dan mendoakan kesejahteraan. Jika seorang ibu sakit, adalah menjadi tanggungjawab seorang anak untuk menjaga dan menyantuni mereka. Menderhakai ibu merupakan antara dosa besar yang akan disegerakan pembalasan-Nya di dunia. Dosa menderhakai seorang ibu sangat dimurkai oleh Allah SWT dan akan ditimpakan pembalasan yang perit di akhirat kelak. Neraka merupakan seburuk-buruk tempat di akhirat dan menjadi tempat khas bagi orang yang berdosa. Hal ini boleh dilihat pada rangkap syair seperti yang berikut:

*Dengar olehmu sekalian sanak,  
Tatkala engkau lagi kanak-kanak,  
Apabila sudah tidurmu lena,  
Dicarikan makan manis dan lemak. (R22)*

*Dengar olehmu muda bangsawan,  
Ibu bapamu jangan dilawan,  
Di dalam dunia itulah tuan,  
Di dalam akhirat menjadi kawan. (R27)*

Selain itu, dakwah berunsurkan nasihat turut ditujukan kepada golongan yang kaya, berketurunan mulia dan ternama, iaitu golongan bangsawan. *Dagang* memberi nasihat supaya tidak sesekali melawan kata ibu bapa kerana kunci kejayaan dan kebahagiaan seseorang anak itu terletak di tangan ibu bapa. Ibu bapa merupakan ketua keluarga. Mereka wajar dihormati, dijaga, disayangi dan dihargai pengorbanannya. Ibu bapa menjadi kunci kejayaan seorang anak. Anak yang menghormati ibu bapa

akan diberkati dan disayangi Allah SWT. Keredaan ibu bapa menjadi penentu kejayaan seorang anak, sama ada di dunia atau akhirat. Doa seorang ibu begitu mustajab di sisi Allah SWT. Dagang menasihati sasaran dakwah supaya sentiasa menghormati ibu bapa walau ditimpa pelbagai cabaran. Orang muda seharusnya sentiasa patuh dan taat kepada perintah kedua ibu bapa. Segala arahan daripada ibu bapa hendaklah sentiasa ditaati kerana pengorbanannya tidak ternilai. Ibu bapa juga sewajarnya dijadikan sebagai idola dalam memandu kehidupan seharian. Berdasarkan rangkap ini, dagang telah menggunakan perkataan “**dengar olehmu**” kepada sasaran sebagai dakwah berbentuk amaran supaya sasaran dapat memahami nasihat yang disampaikan. Hanya ibu bapa yang selayaknya diangkat dan disanjung tinggi sebagai idola atau raja bagi kehidupan seorang anak. Asbab layanan seseorang anak terhadap ibu bapa begitu besar. Layanan yang baik terhadap ibu bapa akan menjadikan kehidupan seseorang anak lebih sempurna dan berkat. Begitulah sebaliknya, kehidupan seseorang anak akan porak peranda, tidak menentu dan hilang akan keberkatannya apabila ibu bapa diketepikan. Hidup yang berkat menjadi pendorong kejayaan seorang anak. Kerja yang sukar akan menjadi senang, kerja yang senang akan bertambah mudah diselesaikan.

## **2. Ajakan lembut “ayuhai”**

Berdasarkan manuskrip *Syair Dagang*, pengarang telah menggunakan kaedah dakwah secara lembut kerana menganggap bahawa *Syair Dagang* ditulis sebagai satu kebajikan kepada khalayak pembaca. Pengarang menggalakkan pembaca untuk meneruskan kerja-kerja kebajikan jika terlintas di dalam hati. Walaupun sibuk dengan kerja, pengarang telah berusaha sebaik mungkin untuk menyiapkan penulisannya sehingga sempurna demi tatapan pembaca. Dengan rendah diri, pengarang telah berdakwah dengan mengajak pembaca supaya mengabaikan segala kekurangan yang terdapat dalam syairnya. Syair yang dikarang adalah berdasarkan pengalaman yang pernah dilaluinya sendiri dahulu kala. Pengarang begitu merendah diri dan berhati-hati dalam penulisannya. Akhlak yang ditunjukkan sesuai dengan usaha dakwah yang cuba disampaikan kepada sasaran. Pengarang turut menggunakan perkataan yang lembut dalam penulisannya untuk menggalakkan khalayak pembaca memahami, menghayati dan mudah untuk menerima apa yang cuba disampaikan. Pengarang telah menunjukkan contoh akhlak yang baik dengan memohon maaf sekiranya terdapat kekurangan pada syair yang ditulis. Penggunaan kaedah dakwah *al-Hikmah* secara lembut adalah sangat tepat kerana mempunyai unsur-unsur dorongan yang mampu melenturkan hati pembaca. Hal ini boleh dilihat pada rangkap seperti yang berikut:

*Ayuhai* tuan janganlah murka,  
Kepada hamba orang yang duka,  
Umpat - mengumpat hendaklah jaga,  
Kanda sekalian adik dan kakak. (R15)

Pengarang telah menggunakan perkataan dakwah ajakan, iaitu “**ayuhai**” dan disusuli dengan perkataan “**tuan**” untuk merujuk kepada kelompok sasaran dakwah dalam kalangan kaum lelaki yang dihormati. Dagang telah menggunakan perkataan “**ayuhai**” sebagai kata ajakan untuk memanggil orang. Perkataan “**ayuhai**” digunakan untuk menggambarkan situasi ajakan seseorang dengan penuh hormat, adat dan sopan santun. Situasi ajakan dilakukan dengan penuh budi bahasa. Kata-kata yang lembut merupakan satu kaedah dakwah secara *al-Hikmah*. Kaedah dakwah secara *al-Hikmah* dapat menarik minat masyarakat untuk mendekati agama Islam. Berdasarkan rangkap ini, dagang telah menasihati sasaran dakwah supaya tidak mementingkan diri sendiri dengan memarahinya yang sedang bersedih akibat berjauhan daripada keluarga. Dagang turut mengajak khalayak dalam kalangan orang dewasa dan kanak-kanak supaya bersama-sama menghindarkan diri daripada melakukan perkara-perkara mazmumah, seperti umpat-mengumpat. Perbuatan umpat-mengumpat sangat dimurkai oleh Allah SWT. Perbuatan umpat-mengumpat boleh mengakibatkan perpecahan, pergaduhan dan persengketaan dalam kalangan masyarakat. Permusuhan yang berterusan menyebabkan masyarakat hidup dalam keadaan tidak menentu dan tidak tenteram. Aktiviti umpat-mengumpat juga boleh menjejaskan hubungan silaturahim antara saudara-mara dan sahabat handai. Dalam Islam, silaturahim dan persaudaraan begitu dititikberatkan. Segala amalan atau amal tidak akan diterima sekiranya silaturahim



tidak dihubungkan selama tiga hari. Bagi dagang, aktiviti umpat-mengumpat banyak keburukannya kerana aktiviti inilah yang menyebabkan dagang terpaksa meninggalkan kampung halamannya.

Seterusnya, pengarang turut menggunakan perkataan dakwah ajakan, iaitu “**ayuhai**” sebagai kata untuk memanggil dan membuat teguran kepada sasaran. Teguran menggunakan perkataan ajakan “**ayuhai**” adalah amat sesuai dan bertepatan dengan pendekatan dakwah *al-Hikmah* secara lembut. Perkataan “**ayuhai**” merupakan kata seru untuk memanggil orang. Perkataan “**ayuhai**” juga digunakan untuk menggambarkan rasa duka atau kecewa seseorang. Kekecewaan turut ditujukan kepada sasaran kawan rapat yang dikenali. Pengarang telah menggunakan perkataan “**sahabat**” untuk merujuk kepada sasaran dakwah dalam kalangan orang yang dikenali rapat; seperti kawan, teman, pengikut atau kenalan. Dagang melakukan dakwah dengan menasihati sasaran supaya tidak mempermainkan perasaan teman atau kenalan rapat kerana harapan atau hasrat seorang ibu menggunung tinggi untuk melihat anaknya hidup dengan bahagia. Seseorang ibu meletakkan harapan yang begitu tinggi terhadap anaknya, semata-mata ingin melihat mereka bahagia dan berjaya. Pahit perih pengorbanan seorang ibu tiada tandingannya. Seorang ibu sanggup berkorban jiwa dan raga ketika berbadan dua, iaitu ketika mengandungkan seorang anak selama sembilan bulan. Hal ini boleh dilihat pada rangkap syair seperti yang berikut:

*Ayuhai sahabatku encik dan dayang,  
Jika tuan mencari orang,  
Jangan dipermain jangan dibuang,  
Harap ibu bukan kepalang.* (R19)

Berdasarkan rangkap di atas, dagang berdakwah dengan memberikan nasihat kepada masyarakat supaya berhati-hati ketika mencari teman, tidak tertipu dan terpedaya dengan perkara-perkara yang tidak baik. Sebelum mencari kawan, seseorang perlu berwaspada dan meminta pandangan atau nasihat daripada orang yang lebih tua atau ibu bapa. Akibat tersalah pilih kawan, maruah dan nama keluarga akan tercemar. Anak kepada dagang turut ditimpa musibah akibat tersalah pilih kawan. Didapati bahawa anak kepada dagang telah ditipu dan dikhianati oleh teman-temannya sendiri. Akibatnya, anak kepada dagang telah mengalami masalah kesihatan yang berpanjangan dan terpaksa dibawa berubat untuk meneruskan kelangsungan hidup. Dagang pula terpaksa menggunakan sumber kewangan yang ada untuk mengubati anaknya. Begitulah kesulitan yang dialami oleh dagang akibat perbuatan anaknya yang tersilap memilih kawan atau teman. Oleh itu, sebelum memilih kawan, kita perlu membuat penilaian sewajarnya supaya tidak ditimpa musibah yang tidak diingini.

Seterusnya, dagang telah berdakwah dengan menasihati anaknya secara lembut supaya berhati-hati ketika keluar berniaga dan berjual beli. Dagang turut mengajak khalayak supaya bersama-sama berganding bahu mencegah perkara mungkar, iaitu menipu dalam perniagaan. Dakwah berupa ajakan dilakukan dengan penuh berhemah dan lemah lembut supaya khalayak dapat memahami dan mendalami apa yang disampaikan. Perkataan ajakan “**ayuhai**” telah digunakan sebagai usaha untuk mengajak khalayak supaya mendengar sebaiknya nasihat yang diberikan. Bagi dagang, aktiviti penipuan dalam perniagaan perlu dicegah dan dibasmi kerana telah menular dalam kalangan masyarakat. Aktiviti penipuan dalam perniagaan perlu dielakkan dan diberikan nasihat sebaiknya sesuai dengan kaedah dakwah secara *al-Hikmah*. Namun begitu, di sebalik keikhlasan dagang membendung aktiviti penipuan perniagaan, dagang telah ditimpa pelbagai cabaran dan dugaan. Ketika memberikan tarbiah pencegahan, dagang telah dihunus kalewang, iaitu sejenis pedang pendek berhujung lebar (bahagian hujungnya lebih lebar dan nipis). Perkataan “kelewang” telah disebutkan dalam rangkap 36 (baris 2) yang berbunyi, “**yang diturut ketemu kelewang**”. Namun begitu, dagang tetap sabar dan yakin akan ujian Allah SWT. Dagang tetap teguh dengan pendiriannya dan meminta khalayak supaya berpegang teguh dengan nasihat yang diberikan serta tidak sesekali mengambil mudah tentang penipuan perdagangan. Hal ini boleh dilihat pada rangkap seperti yang berikut:

*Ayuhai a(k)hwan muda bahari,  
Dengarkan apa hamba berperi,  
Jangan bermain ke mana ke mari,  
Tipu berniaga baik dicari.* (R35)

Walaupun menerima pelbagai tekanan, dagang tetap meneruskan usaha dakwah untuk mencegah perkara mungkar daripada menular dalam kalangan masyarakat. Dagang tidak pernah jemu dan berputus asa. Kesannya, dagang telah ditimpa musibah yang tidak diduga. Anak kepada dagang telah difitnah sehingga jatuh sakit. Sakit misteri yang dialami telah menimbulkan keadaan tidak menentu dagang sekeluarga. Banyak masa, tenaga dan duit dihabiskan untuk mengubati anaknya. Keadaan anak dagang digambarkan dalam keadaan yang begitu menyedihkan. Anak dagang dijumpai dalam keadaan tidak berpakaian seperti seorang hamba yang sedang dijual. Anak dagang juga tidak berselera lagi untuk menjamah makanan, sebagaimana dalam rangkap 38 (baris 3) yang berbunyi “**masak pagi petang tak makan**”. Dagang juga terpaksa mengikat perut dan berjimat cermat kerana duit banyak dihabiskan untuk mengubati anaknya. Dagang reda dengan cabaran dan dugaan yang berlaku, dengan kata “**hidup yang sara sarat ditahankan**”.

Seterusnya, dagang telah melakukan usaha dakwah dengan menasihati anaknya supaya berhati-hati ketika berkawan. Perkataan ajakan, iaitu “**ayuhai**” digunakan untuk memberikan gambaran tentang dakwah dengan menggunakan kata-kata berunsur ajakan yang lembut. Bagi dagang, seorang anak perlu mengurangkan masa untuk bersuka ria bersama kawan-kawan. Masa yang terbuang akan merugikan diri sendiri. Bagi dagang, bukanlah suatu yang mudah untuk mencari kawan yang sanggup bersama-sama menempuh badai ketika senang dan susah. Ketika sakit, seorang kawan belum tentu mampu membantu meringankan penderitaan yang ditanggung. Dagang menasihati anaknya supaya tidak menuruti atau mudah terpengaruh dengan kata-kata manis kawan-kawan. Dagang bersungguh-sungguh memberikan peringatan kepada anaknya supaya tidak menyesal kelak. Situasi ini boleh dikaitkan dengan kata pepatah Melayu, “sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna”. Nasihat *al-Hikmah* secara lembut boleh dilihat pada rangkap seperti yang berikut:

*Ayuhai* anakku jangan bermain,  
Jangan diturut orang yang lain,  
Pandangan kepada olehmu kain,  
Basah tiada berganti lain. (R43)

Berdasarkan rangkap di atas, penderitaan atau kesengsaraan yang dilalui anak dagang akibat dikhianati kawan begitu berat untuk ditanggung. Dagang terpaksa bekerja kuat tanpa mengira masa, penat dan lelah demi menyelesaikan masalah yang dihadapi. Masalah kewangan yang dihadapi terpaksa dilalui sendirian tanpa bantuan orang lain. Dagang berhasrat untuk berhutang dengan sanak saudaranya. Namun begitu, tiada siapa yang sudi membantu. Ketika mengalami kesulitan, dagang bukan sahaja tidak diberikan bantuan, malah tidak dilayan dan diambil peduli oleh mereka. Hal ini digambarkan dalam rangkap 44 (baris 4) yang berbunyi “**orang pun tidak apa peduli**”. Pengalaman yang dilalui oleh dagang, menjadi sumber kekuatan dalam menempuh hari-hari yang mendatang. Pengalaman ini menjadikan dagang lebih matang untuk mengecapi kejayaan pada masa hadapan.

Berikutnya, dagang berdakwah dengan menggunakan perkataan “**ayuhai**” untuk melahirkan rasa duka sebagai peringatan dan teladan. Nasihat ditujukan kepada sasaran kenalan rapat, seperti sahabat-sahabat dan pakar bidang. Perkataan “ahli” telah digunakan untuk merujuk kepada golongan yang berilmu atau berpengetahuan. Menurut *Kamus Kebalikan Dewan* (1995), perkataan “ahli” merujuk kepada orang yang mahir dalam sesuatu bidang seperti dalam membuat keris; ahli agama yang berhak memberi fatwa; ahli dalam ilmu pengetahuan cendekiawan atau sarjana. Dagang melahirkan rasa duka apabila ramai penjual tidak menunjukkan akhlak yang baik ketika menjalankan urusan jual beli. Kebanyakan penjual bercakap begitu kasar atau meninggikan suara ketika berhadapan dengan pembeli. Bagi dagang, pembeli ialah raja. Oleh itu, apabila berjual beli, penjual seharusnya tahu kaedah atau cara untuk berkomunikasi dengan pembeli. Penjual seharusnya bertutur dengan lemah lembut dan sopan santun supaya dapat menarik minat pembeli untuk kembali datang membeli barangan yang dikehendaki. Pertuturan yang baik dalam urusan jual beli sangat digalakkan dalam Islam sebagaimana akhlak pendakwah dari Hadramaut dahulu kala. Mereka bukan sahaja menunjukkan akhlak yang baik, tetapi turut memberikan suguhati atau hadiah bagi menghargai pembeli. Akhlak yang ditunjukkan merupakan asas kepada perkembangan syiar Islam yang telah diamalkan oleh pendakwah dahulu kala. Menurut Al-Habib ‘Umar ben Hafidz ben Shaykh Abu Bakar ben Salim menerusi bukunya bertajuk *Asas Dakwah*

Menurut Tradisi Hadramaut (2019), perniagaan yang paling mulia ialah perniagaan yang kekal abadi, iaitu berkhidmat kepada dakwah Nabi Muhammad SAW. Perilaku dalam perniagaan dengan tutur kata yang baik dinyatakan dalam rangkap seperti yang berikut:

*Ayuhai segala sahabat dan ahli,  
Apabila engkau berjual beli,  
Kata yang kasar jangan sekali,  
Barang kali orang tiada perduli.* (R89)

*Ayuhai anak cucuku tuan,  
Tawar menawar dengan perlahan,  
Orang tua jangan dikata kawan,  
Itulah kelak menjadi lawan.* (R90)

Berdasarkan rangkap di atas, dagang turut menggunakan perkataan dakwah, iaitu “**ayuhai**” sebagai ajakan secara lembut yang ditujukan kepada generasi muda supaya berhemah dalam urusan jual beli, terutama ketika urusan tawar-menawar. Bagi dagang, urusan tawar-menawar hendaklah dilakukan dengan berakal budi. Urusan tawar-menawar melibatkan pelbagai aspek seperti pengurangan harga, sewaan, tuntutan dan sebagainya. Ketika tawar-menawar, nada suara penjual hendaklah dijaga supaya tidak terlalu kuat dan lemah-lembut. Ketika urusan tawar-menawar, dagang menasihatkan supaya sentiasa berhati-hati ketika berhadapan dengan pembeli, walaupun pembeli tersebut telah berusia. Walaupun pembeli dalam kalangan orang yang berusia, pastikan sentiasa berwaspada kerana pendirian atau emosi seseorang pembeli boleh berubah pada bila-bila masa. Contohnya, keputusan tawar-menawar antara pembeli atau penjual pasti akan menimbulkan ketidakpuasan kedua-dua belah pihak. Oleh itu, penjual perlu bijaksana sebelum membuat sebarang tindakan atau keputusan supaya tidak mengeruhkan lagi keadaan. Hal ini penting supaya penjual tidak kehilangan pelanggan pada masa akan datang. Perilaku atau akhlak penjual akan dinilai pembeli. Pembeli seterusnya akan membuat keputusan sama ada untuk terus datang membeli atau sebaliknya. Sekiranya akhlak yang ditunjukkan positif, pastinya pembeli akan terus datang membeli pada masa akan datang. Apabila kebaikan seseorang peniaga tersebar, pastinya sesebuah perniagaan akan berkembang maju.

Dagang turut berdakwah tentang perlunya seseorang peniaga atau bakal peniaga menjaga setiap perilaku semasa aktiviti jual beli. Dalam Islam, akhlak memainkan peranan yang penting. Seseorang peniaga perlu membuang segala ego di dalam diri. Tutur kata hendaklah sentiasa dijaga supaya dapat menarik minat pembeli. Seseorang peniaga hendaklah mencontohi akhlak para peniaga zaman dahulu dengan menjadikan perniagaan sebagai dakwah dan beramal dengan intisari dakwah. Beramal merujuk kepada pengamalan yang perlu dipasakkan dalam diri pendakwah terhadap apa yang didakwahkan. Tindak-tanduk dan amalan yang dilakukan seseorang pendakwah akan menjadi ikutan dan panduan dalam kalangan masyarakat. Tatacara dakwah menjadi asbab tersebarnya Islam di serata tempat. Amalan dakwah dengan intisari dakwah telah diterapkan dalam perniagaan dengan memberikan perkhidmatan atau layanan terbaik kepada pembeli. Ketika urusan perniagaan dijalankan, penjual akan menunjukkan perilaku yang terbaik kepada pembeli. Perilaku yang baik meliputi ucapan atau tutur kata yang lemah lembut. Pembeli juga akan diberikan hadiah atau sedekah ketika membeli sesuatu barangan. Contohnya, ketika pembeli datang untuk membeli kopi, penjual atau pendakwah akan memberikan gula sebagai hadiah. Perilaku penjual yang baik dapat menarik minat pembeli untuk mendekati agama Islam. Agama Islam begitu menekankan aspek komunikasi atau berbicara dengan nada yang halus dan sopan.

## PERBINCANGAN

- 1. Manuskrip primer, iaitu *Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) merupakan manuskrip yang paling lengkap.** Manuskrip ini merupakan manuskrip yang paling sempurna dari aspek tatabahasa, keadaan kertas, teks, tulisan dan ayat-ayatnya yang lebih gramatis dan mudah difahami.
- 2. Manuskrip *Syair Dagang* ditulis bertujuan untuk menyebarkan Islam.** Manuskrip *Syair Dagang* menjadi bahan bacaan dan rujukan masyarakat, serta menjadi milik masyarakat. *Syair Dagang* akan dibacakan kepada khalayak sebagai dakwah untuk mengajak masyarakat kepada kebaikan dan meninggalkan larangan-Nya.
- 3. Metodologi manuskrip *Syair Dagang* menggunakan kata permulaan dan pengakhiran dengan memuji Allah SWT.** Pengarang memulakan syair dengan kalimah “*bismillah*” (*bismillahirrahmanirrahim*) yang bermaksud “Dengan Nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang”. Pengakhiran syair pula, pengarang telah menggunakan kalimah “*Wassalam*” yang digunakan sebagai ucapan akhir yang bermaksud “salam hormat” atau “salam sejahtera”.
- 4. Manuskrip *Syair Dagang* kaya dengan informasi nilai-nilai murni Islam sebagai alat dakwah.** Dakwah telah disampaikan dalam bentuk syair dan menjadi alat untuk menyebarkan syiar Islam kepada masyarakat dalam bentuk yang sederhana, supaya sasaran dakwah terhibur dan mendapat ilmu pengetahuan. Dakwah menerusi syair juga menyerlahkan lagi bakat pengarang dalam penulisan. Kisah pengalaman pengembaraan seorang sufi dapat dijadikan iktibar dan sekaligus dapat dimanfaatkan dalam kehidupan seharian untuk mencapai kebahagiaan abadi.
- 5. Kaedah *al-Hikmah* digunakan merupakan sebahagian kaedah yang menggabungkan kaedah itu dengan tatabahasa yang ada dalam Bahasa Melayu.** Pemilihan *Syair Dagang* sebagai sumber utama kajian adalah sangat sesuai untuk melihat unsur-unsur tersirat yang boleh dirungkaikan dari aspek dakwah yang hendak disampaikan.


## PENUTUP

*Syair Dagang Adanya* (MSS 3160) berfungsi sebagai dakwah untuk menyebarkan Islam. Syair dibacakan kepada khalayak supaya masyarakat terhibur di samping memahami pengisian apa yang disampaikan. Informasi nilai-nilai murni daripada *Syair Dagang* dapat memberikan kesedaran kepada khalayak. Dakwah bertujuan untuk mengajak dan menyeru umat manusia kembali kepada Allah SWT. Usaha dakwah bertepatan dengan “*amar ma'ruf nahi mungkar*” supaya sasaran mendapat kebahagiaan dan kesejahteraan sama ada di dunia dan akhirat oleh Allah SWT. Salah satu bentuk pendekatan dakwah yang boleh digunakan oleh pendakwah dalam penulisan atau ucapan ialah menggunakan kaedah dakwah *al-Hikmah*. Pengarang manuskrip *Syair Dagang* telah menggunakan kaedah ajakan lembut dalam penulisannya supaya dapat menarik minat khalayak untuk menghayati dakwah yang terkandung di dalam penulisannya. Manuskrip ini juga kaya dengan unsur dakwah, teladan dan pengajaran untuk digunakan dalam kehidupan yang mendatang.

## RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Ab. Aziz Mohd Zin. (2015). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ab. Razak Ab. Karim. (2002). *Aspek Penggunaan Bahasa dalam Warkah-Warkah Melayu Lama: Satu Kajian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Munir Ismail. (2014). *Dakwah Islam dan orang pekak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Karim Zaydan. (1972). *Usul al-Da'wah*. Cet.2:Matba'ah Salman al-Azmi.Al-Habib Umar ben Hafiz. (2019). *Asas Dakwah Menurut Tradisi Hadramaut* (terj. Fawzan Najib & Fauzul Fitri). Kuala Lumpur: Apologia PLT.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1995). *Bahasa Kesusasteraan Klasik Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asri Zainul Abidin. (2020). *Mukadimah Ilmu di dalam Memahami Hadis Nabinya*. Perlis: Jabatan Mufti Perlis.
- Haron Din (2010). *Manusia dan Islam* (Jilid 1). Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Haron Din (2010). *Manusia dan Islam* (Jilid 2). Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Haron Din (2010). *Manusia dan Islam* (Jilid 3). Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Hamka. (2020). *Tafsir Surah An-Nahl dan Juzuk*. Selangor: PTS Publishing House. Sdn. Bhd. 197-198.
- Hamka. (1990). *Prinsip dan Kebijaksanaan Da'wah Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Huzaimah Ismail, Norsiah Sulaiman & Nafisiah Rahman. (2013). *Survival Entrepreneur Muslim Berdasarkan Manuskrip 'Syair Dagang Adanya'*. Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan. Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU). 179-191.
- Kamus Dewan Perdana*. (2020). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Raudah Siren. (2013). *Retorik Penulisan Dakwah*. Penerbit Universiti Malaya.
- Sheikh Abdullah Basmeih. (1992). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. BAHEIS, JPM.
- Siti Hawa Haji Salleh. (1999). *Kesusasteraan Melayu Tradisional dan Peranan Filologi*. *Akademika* 54 (Januari): 149.
- Siti Khofifah. (2020). *Model Komunikasi Dakwah di Desa Larangan Badung Kecamatan Pelengaan Kabupaten Pamekasan*. *Meyarsa*, Vol. 1 No. 1.
- Uswatun Ni'ami. (2020). *Aktualisasi Dakwah di Era Globalisasi (Dalam Menegakkan Syariat Islam)*. *Ulul Albab Jurnal Dakwah dan Sosial Keagamaan*. Volume 07 No. 02.
- Wan Hussein Azmi. (1994). *Ilmu Dakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

LAMPIRAN



Halaman Awal Manuskrip Syair Dagang Adanya (MSS 3160)

<p>         تاغتن قون بران صفره ناستر          بر شمس او زيل دان بسوگر          کبری دان کلن بوکن دان کنگو          کهندخ الله سده بر دکو          لسان بچير دلوره فرجود          کند الله تحفه بر سره          شلير و کارغ مضادي هميران          قلبون دانگ بر تمبه روان          لسان تر بوغ دلون افی          لفسله دانگ در خدا مانی          دکارغ فقير ددام کسده          دبواه فقير دهانغ کسده          کند حصار و رشغ دجورک          کند کالین اویک دان کاک          کند اوزاغ تیا و جسر و غا          تمبالن بهاوه ایسورن باغ          تمباضه مسکن تیا و بر صرت          د مکینه هو دایغ نصرات          د شرکن بوکن اویک دان کاک          چکله صنداق شوان بر شباک          جهک شوان مضارغ اوزاغ          هارغ ایسور بوکن کسفالغ       </p>	<p>         همه سور کن تیا و بر کسور          لاکو مسکن باغ غیاغور          سله صیبه اونغ بل کور          کمان لاکو حصار دبریکو          سکنت تیلدق بو دانگ دان          تیا و دکماون تحفه دان اراه          سه ترایکه دغر همیران          لسان بون دکنده اوان          روانه بوکن کفالغ لاکو          دقلوغ اوله ره العزقی          دشرکن تزان سواه سده          شکره نون کران تیا و اینده          ایسوری توان جامله مورک          ارضه مشرفه صدقله باک          صبه نر دانگ یغمینا خان          دودق دغر منگور نستان          اینله سکه سواه حریت          دکلین این دانگ برکات          سکه دکارغ دشت رسک          دشت کهنداق قدره یغ باغ          ایسوی بهابکنو این دان دانغ          جامله دفره این جامله دبوغ       </p>
--	---

حارث

MSS 3160 Syair Dagang – Halaman 2

2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15 16

Halaman Akhir Manuskrip Syair Dagang Adanya (MSS 3160)